From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 21 July, 2022 10:42:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jerayawara UUMKL Jalin Kerjasama Dengan Pusat Pengajian

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 JULAI 2022 / 21 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Afiqah Abu Bakar
Gambar oleh: UUMKL

JERAYAWARA UUMKL JALIN KERJASAMA DENGAN PUSAT PENGAJIAN



UUM ONLINE: UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL) yang disertai dekan akademik, ketua jabatan dan pegawai tadbir telah mengadakan sesi jerayawara ke semua pusat pengajian yang menawarkan program

pengajian di kampus tersebut.

Pusat pengajian yang dilawati ialah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Undang-undang, Pusat Pengajian Kerajaan, Pusat Pengajian Antarabangsa, Pusat Pengajian Teknologi, Media dan Komunikasi, Pusat Pengajian Pengkomputeran, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Pusat Pengajian Pendidikan dan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial.

Sesi tersebut turut diselitkan dengan kunjungan hormat ke atas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahimi Mohtar yang mana dalam pertemuan itu, beliau berkata program seperti ini wajar diadakan secara berkala bagi mewujudkan hubungan baik antara UUMKL dan pusat pengajian di kampus utama Sintok, sekali gus dapat melancarkan urusan akademik bagi program yang ditawarkan di Kuala Lumpur.

Jerayawara selama 3 hari itu juga bertujuan untuk berkongsi maklumat bagi penambahbaikan penawaran program di UUMKL termasuk dari segi penjadualan, penawaran kursus, lantikan pensyarah dan proses penyeliaan.

Aktiviti seperti ini akan dijadikan rutin supaya program yang ditawarkan sentiasa seiring dengan hasrat utama universiti dan selaras dengan misi UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.